

DATE: 1/2/2010

Majoriti rakyat sokong pelaksanaan GTP, NKRA

Inisiatif berani Najib wujud transformasi kerajaan menuntut peningkatan mutu perkhidmatan awam

Oleh Kamal Ahmad
mohdkamal@bharian.com.my

SEBANYAK 84 peratus rakyat setuju dengan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan 75 peratus gembara dengan inisiatif melaksanakan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Daripada konteks keyakinan terhadap keupayaan penyampaian kerajaan pula, 71 peratus menyokong manakala 31 peratus yakin kerajaan mampu melakukan penyampaian dengan besar-besaran dan kesannya pantas.

Demikian perhitungan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, mengenai paras sokongan umum terhadap inisiatif Datuk Seri Najib Razak, dalam melaksanakan perubahan drastik dan radikal tetapi terancang dalam jentera perkhidmatan awamnya serta sosioekonomi negara.

Maka jelas, cabaran paling besar untuk merealisasikan pelan induk GTP ialah tahap kemampuan sektor awam dan kepemimpinan kerajaan. Yang diharapkan ialah sokongan semua lapisan masyarakat. Yang perlu digembleng ialah komitmen 12 juta kakitangan sektor awam. Yang perlu diyakinkan dan dibela pula 27 juta rakyat negara ini (nisbahnya 1:22.5 orang).

Kemudian, yang mahu menggagalkan pastinya parti pembangkang. Mereka menggunakan segala medium untuk memperlekeh, memfitnah

dan menafikan komitmen serta kemampuan kerajaan. Rakyat dihambur kekeliruan. Dan, akhirnya GTP dijadikan modal politik meneruskan serangan terhadap kerajaan.

"Apa saja yang dibuat kerajaan adalah tindakan politik. Tetapi itu sebahagian demokrasi dalam usaha mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat. Namun (GTP) adalah baik dan kerajaan akan mendapat sokongan," kata Pengerusi Eksekutif Brighton Education Group, Mohd Arif Christopher Bell Abdullah.

Namun beliau tidak hairan apabila parti pembangkang menjadikan inisiatif Perdana Menteri itu sebagai isu dan modal politik. "Itu sudah pasti. Itu pun kerja mereka. Itulah kerja mereka mencetuskan persaingan bagi membantu Malaysia lebih sihat, bersih, telus, cekap, berpendapatan tinggi serta makmur," kata Mohd Arif yang melihat kebijaksanaan Najib memberi fokus permasalahan kepada enam keutamaan - rasuah, jenayah, pendidikan, isi rumah berpendapatan rendah, infrastruktur asas luar bandar dan pengangkutan awam bandar.

Beliau berkata, yang lebih penting dalam proses transformasi kerajaan ialah fokus kepada isu yang boleh ditangani dan ada kemampuan mencapai matlamatnya.

"Anda tidak boleh melakukan ribuan perkara dalam suatu masa. Jadi kecilkan angka dan (kerajaan) fokus kepada enam NKRA. Setiap NKRA pula ditangani melalui pel-

bagai tindakan, inisiatif dan pelaksanaan," katanya.

Hakikatnya, GTP adalah kesimpulan daripada hasrat rakyat segenap lapisan selain usaha kerajaan untuk mengotakan janji serta komitmennya. Ia hasil himpunan maklumat dari seluruh negara yang didokumentasikan, kemudian dipersembahkan kepada umum secara telus. Lebih telus apabila kerajaan mengambil keputusan membentangkan laporan tahunan kemajuan GTP kepada orang ramai mulai tahun depan khususnya enam NKRA dan Petuniuk Prestasi Utama (KPI) yang diikrarkan.

"Ini kehendak rakyat dan inilah jangkaan rakyat kepada kerajaan hari ini. Inilah apa yang dikehendaki rakyat kepada kerajaan," kata Najib sambil menyifatkan program transformasi itu dilaksanakan kerajaan, bukan baru tetapi kesinambungan daripada kerajaan kepeimpinan terdahulu.

"Matlamat GTP ialah mencapai Wawasan 2020," kata Perdana Menteri dengan menegaskan metodologi baru selaras persekitaran baru digunakan bagi mencapainya iaitu NKRA dan KPI.

Najib juga nampak komitmen penjawat awam. "Saya beri jaminan perkhidmatan awam adalah komited kepada program GTP. Mereka tunjuk komitmen luar biasa. Pendekatan yang dilakukan ialah 2B (big and bold)," katanya.

"Selama empat bulan menyertai

perkhidmatan awam, saya yakin GTP boleh dilaksanakan dan mencapai matlamatnya. Kita boleh melakukan perubahan," kata Idris.

Pengumuman Pelan Hala Tuju GTP adalah tindakan berani kedua Najib dalam masa kira-kira tiga bulan selepas mengumumkan transformasi Umno pada 15 Oktober lalu. Antara lain, pindaan perlembagaan parti dilakukan untuk membuang 'kekebalan dan perisai perlindungan' presiden apabila jawatan itu bebas ditandingi sesiapa saja. Kali ini, Najib mempertaruhkan komitmen kerajaan dan jenteranya apabila rakyat menilai prestasi GTP.

"Sama ada kita dapat memenuhi janji pada rakyat atau sebaliknya (maka GTP ini) ada risikonya. Dalam sistem demokrasi berparlimen, kalau rakyat buat kesimpulan bahawa kita tidak dapat memenuhi janji kepada rakyat, kita sedar risikonya. Tetapi sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita reda dinilai dan ditentukan rakyat apabila tiba masanya. Inilah sebenarnya komitmen ikhlas kita kepada rakyat.

"Sebab itu kerajaan tidak boleh lari daripada prinsip kebertanggungjawaban. Kita reda ditentukan oleh rakyat apabila sampai masanya. Inilah komitmen kerajaan. Oleh itu, dalam sejarah kita, selalu rakyat sinis juga. Maknanya polisi baik (tetapi) pelaksanaan kurang. Sebab itu kita hendak menumpukan kepada keberhasilan penyam-

paian yang mana rakyat boleh lihat, rakyat boleh sentuh dan rakyat boleh alami.

"Kerajaan tidak akan berhenti sehingga rakyat boleh lihat, sentuh dan alami penambahbaikan kehidupan mereka. Insya-Allah dengan komitmen semua pihak dan izin Allah, kita akan berjaya," katanya.

Pendekatan berani 2B Najib bukan melulu. Apabila beliau melakukan dua transformasi (parti dan kerajaan) maka secara langsung tindakan itu menagih komitmen semua pihak terbabit. Jika mereka tidak melakukan perubahan, rakyat akan merubah mereka.

"Semua perkara ada risiko. Tetapi sesiapa yang berani mengambil risiko, akhirnya akan menempai kejayaan. Jika tidak berani menanggung risiko, kita tidak boleh melaksanakan perkara besar yang hendak dilaksanakan. Oleh itu, saya yakin di bawah kepemimpinan Perdana Menteri perkara ini boleh (dilakukan) kerana komitmen tinggi itu dibantu oleh jemaah menteri dan jentera parti, kita cukup yakin (ia mampu dicapai)," kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan.

Namun daripada analisis mudah, membanteras rasuah adalah tugas paling sukar dihadapi kerajaan. Kecuali definisi rasuah diperincikan, akta sokongan digubal dan ketelusan dipertingkatkan, rasuah terbukti di seluruh dunia sebagai gejala yang sukar dibanteras.